



KERATAN AKHBAR ISU-ISU SEMASA INTEGRITI 2024 (DISEMBER)

**Unit Integriti Dan Pemodenan Pentadbiran
Majlis Bandaraya Johor Bahru**



SINAR HARIAN

02.12.2024

(ISNIN)

SPRM beku dan sita
akaun sejak 2023

Oleh FARAH SHAZWANI ALI dan
SITI AISYAH MOHAMAD
SHAH ALAM

Kewangan Bersatu kritikal

Kedudukan kewangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) agak kritikal ketika ini, susulan pembekuan dan sitaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak Januari 2023.

Bendahari Agung Bersatu, Datuk Seri Rina Harun berkata, ia merupakan cabaran paling besar yang perlu dihadapi dan berikrar akan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikannya.

"Keadaan rumah kita ada isu dalaman (kewangan) yang perlu ditangani. Kalau dapat bantu parti dengan keringat, sayangnya kita kepada Bersatu akan lebih mendalam.

"Apabila memberi, kita akan rasa lebih sayang kepada parti. Saya juga mahu gerakkan bendahari peringkat negeri dan bahagian, supaya dapat jana pendapatan serta ekonomi, sekurang-kurangnya untuk bahagian boleh bergerak sendiri.

"Pelbagai pendekatan dibuat parti untuk menjana sumber kewangan termasuk menceburi bidang keusahawanan. Perwakilan tolonglah bantu, produk-produk yang kita hasilkan, kita sumbangkan kepada Bersatu," katanya ketika berucap semasa ucapan penangguhan Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) Bersatu yang berlangsung di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di sini, pada Ahad.

Tambah Rina, walaupun situasi ini bukanlah mudah namun ahli perlu memahami bahawa ada isu dalaman yang perlu ditangani.

"Saya juga berhasrat mewujudkan satu organisasi dalaman di pejabat Bendahari Agung yang akan melibatkan bendahari negeri, sayap-sayap untuk merancang pelan tindakan bagi membantu parti, khususnya bagi membantu dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16)," jelasnya.



Rina ketika berucap semasa ucapan penangguhan Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu yang berlangsung di IDCC, Shah Alam pada Ahad.

Sementara itu, Bersatu bersedia untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap SPRM dan bank yang terlibat susulan pembekuan akaun parti itu sejak Januari 2023.

Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Bersatu telah mengadakan perbincangan dengan peguam dan sedang meneliti tindakan selanjutnya.

"Kita tengah memikirkan dan sudah berbincang dengan peguam sama ada nak ambil tindakan kepada SPRM kerana mengarahkan bank yang bersedia nak keluarkan tuntutan akaun yang kita nak gunakan.

"Selepas itu, nak buka akaun baharu juga tak benarkan. Ini zalim. Kami rasa ini satu perkara yang tidak adil.

"Saya dah bincang dan minta peguam teliti, mungkin nak ambil tindakan kepada pihak berkuasa yang ber-

tanggungjawab dan kedua kepada bank (sehingga) perbelanjaan kita tak boleh dibayar dan sebagainya," katanya semasa sidang akhbar selepas PAT Bersatu, di sini pada Ahad.

Muhyiddin berkata, pendengaran kes permohonan untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan semakan kehakiman dan mencabar SPRM itu akan berlangsung pada 23 Januari depan.

Sebelum ini, dua akaun Bersatu yang dibekukan pada 12 dan 13 Januari 2023 telah disita SPRM pada 11 April tahun sama untuk tindakan lanjut.

SPRM memaklumkan, sitaan dibuat setelah pihaknya mengemukakan perintah mengikut Seksyen 50 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 kepada pihak bank.



SINAR HARIAN
06.12.2024
(JUMAAT)

Vivy, suami didakwa pecah amanah RM8 juta

Berkaitan dana pelaburan
Khazanah dan PNB
libatkan FashionValet

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR



Vivy (kanan)
bersama
Fadzarudin
didakwa di
Mahkamah
Sesyen Kuala
Lumpur
Khamis.

Pengasas platform e-dagang FashionValet, Datin Vivy Yusof dan suaminya, Datuk Fadzarudin Shah Anuar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas satu pertuduhan pecah amanah dana pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) bernilai RM8 juta, pada enam tahun lalu.

Vivy atau nama sebenarnya Vivy Sofinas Yusof, 37, dan Fadzarudin, 36, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

"Faham, mengaku tidak bersalah," kata Vivy yang hadir ke mahkamah dengan memakai baju serba putih bersama Fadzarudin yang mengenakan kot berwarna hitam.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa dengan niat bersama sebagai ejen iaitu Pengarah FashionValet Sdn Bhd diamankan dana pelaburan Khazanah dan PNB telah melakukan pecah amanah jenayah dengan membuat pembayaran berjumlah RM8 juta dari akaun bank milik syarikat fesyen e-dagang terkemuka ini, ke syarikat 30 Maple Sdn Bhd, tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarahnya.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah bank di Bukit Damansara pada 21 Ogos 2018.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, yang membawa hukuman pemenjaraan antara dua hingga 20 tahun, sebat dan denda, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin membantah kedua-dua tertuduh diberi ikat jamin kerana kes berkenaan termasuk dalam kesalahan yang tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun beliau mengakui, pasangan itu memberi kerjasama baik kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang kes ini di-siasat.

Susulan itu, beliau mencadangkan setiap tertuduh diberi ikat jamin antara RM100,000 hingga RM200,000 dengan syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan, tidak mengganggu saksi dan menyerahkan pasport

kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Sementara itu, kedua-dua tertuduh yang diwakili peguam, Ashok Athimulan berkata, amaun yang dicadangkan pihak pendakwaan adalah tinggi, seolah-olah menghukum anak guamnya sebelum perbicaraan bermula.

"Saya tidak membantah syarat tambahan, namun mohon jaminan pada kadar rendah dan munasabah dengan mengambil kira mereka telah hadir sebanyak sembilan kali ke pejabat SPRM ketika siasatan kes," katanya.

Rosli kemudian membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan pasangan suami isteri itu perlu melaporkan diri di pejabat SPRM Kuala Lumpur pada minggu pertama setiap bulan.

"Kedua-dua tertuduh juga perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dihalang mengganggu serta mempengaruhi saksi dalam kes ini sehingga kes selesai," kata hakim itu yang turut menetapkan 22 Januari depan untuk sebutan kes.



SINAR HARIAN

06.12.2024

(JUMAAT)

SPRM tahan bekas pengarah eksekutif agensi di Pulau Pinang

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang mereman bekas pengarah eksekutif sebuah agensi melibatkan institusi keagamaan di negeri ini kerana dipercayai menyalahgunakan kedudukan bagi mendapatkan RM300,000 melibatkan pembelian pedati emas.

Perintah reman selama enam hari hingga 10 Disember ini dikeluarkan Majistret Siti Nurul Suhaila Baharin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret George Town pada Khamis.

Menurut sumber, suspek lelaki yang bergelar Datuk dan berusia 70-an itu dipercayai melakukan perbuatan berkenaan sekitar 2019.

Difahamkan siasatan awal mendapati suspek sebelum ini bersama bekas Timbalan Ketua Menteri terdahulu merangkap bekas pengerusi agensi yang sama, telah memperoleh lebih RM300,000 daripada akaun peruntukan khas agensi terbabit untuk diri mereka sendiri.

"Selain itu bekas Timbalan Ketua Menteri terbabit juga dipercayai turut menyalahgunakan kedudukan dengan meluluskan pemberian bantuan perubatan pada 2020 sebanyak RM50,000 kepada individu yang dipercayai sekutunya," menurut sumber.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah mengesahkan tangkapan.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan kedua-dua individu disiasat itu kini dihalang daripada keluar negara sehingga siasatan selesai.



SINAR HARIAN

11.12.2024

(RABU)

Kes rasuah di Sarawak: Seorang lagi bergelar Datuk ditahan SPRM

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang lagi suspek bergelar Datuk kerana disyaki terlibat rasuah sebagai balasan mendapatkan projek pembinaan di Sarawak bernilai RM250 juta.

Menurut sumber, suspek merupakan rakan kongsi kepada pengarah syarikat yang ditahan SPRM pada Khamis lalu.

Katanya, suspek ditahan pada Isnin di sebuah daerah di Sarawak.

"Majistret Mason Jaro Lenya Barayan membenarkan suspek lelaki berusia lingkungan 50-an direman selama lima hari sehingga Ahad," katanya pada Selasa.

Tambah sumber, sehingga Selasa, SPRM telah menahan tiga suspek termasuk seorang jurutera awam berhubung kes terlibat.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Tambahnya, beberapa tangkapan susulan kemungkinan akan dilakukan bagi membantu siasatan.



BERITA HARIAN

11.12.2024

(RABU)

Rasuah projek RM250 juta

Seorang lagi Datuk ditahan bantu siasatan

Suspek direman
lima hari sehingga
15 Disember
selepas
permohonan
dibuat SPRM

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Seorang lagi lelaki bergelar 'Datuk' ditahan reman bagi membantu siasatan kes rasuah dalam projek pembinaan bernilai kira-kira RM250 juta di Sarawak.

SPRM tahan
pengarah syarikat,
penjawat awam

Keratan BH
8 Disember
lalu.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan membenarkan suspek berusia lingkungan 50-an itu direman selama lima hari sehingga 15 Disember ini selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

Menurut sumber, suspek adalah rakan kongsi kepada pengarah syarikat yang juga bergelar 'Datuk' yang ditahan SPRM pada Khamis lalu.

Berpakat, berkomplot
Mereka disyaki berpakat dan berkomplot bagi membolehkan beberapa syarikat mendapat projek pembinaan dikeluarkan pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) di sebuah daerah di negeri ini.

"Mereka dipercayai melakukan perbuatan itu antara tahun 2022 hingga 2024 sebagai balasan mendapatkan projek pembinaan yang bernilai kira-kira RM250 juta.

"Susulan itu, suspek ditahan sekitar kira-kira jam 6.30 petang kelmarin di sebuah daerah di Sarawak" katanya.



Lelaki bergelar Datuk direman lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah babit projek pembinaan di Sarawak. (Foto lisan SPRM)

Seramai tiga suspek termasuk seorang jurutera awam yang disyaki terbabit dalam kes itu ditahan SPRM setakat ini.

Kelmarin, mahkamah membenarkan reman terhadap jurutera awam berusia 45 tahun dilanjutkan tiga hari lagi.

Bagaimanapun, permohonan lanjutan reman seorang lagi suspek yang bergelar 'Datuk' ditolak oleh mahkamah dan suspek

dilepaskan dengan jaminan berjumlah RM 50,000.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek terbabit.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 17 Akta SPRM 2009 serta tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan susulan akan dibuat bagi membantu siasatan.



BERITA HARIAN

11.12.2024

(RABU)

Imigresen sahkan 3 pegawai ditahan

Jabatan sedia
beri kerjasama
permudah
siasatan SPRM

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen (Imigresen) mengesahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga pegawainya berkaitan dakwaan pelanggaran integriti.

Menurut Imigresen, pihaknya bagaimanapun menyerahkan kepada SPRM untuk menjalankan siasatan lanjut dan bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya dengan telus dan adil berhubung penahanan tiga pegawainya itu.

"Imigresen hadir ke Ibu Pejabat Imigresen Negeri Johor untuk menjalankan siasatan lanjut dan menahan tiga pegawai berkaitan dakwaan pelanggaran integriti.

"Operasi ini dilaksanakan secara bersama antara pihak SPRM dengan Imigresen.

"Dalam hal ini, Imigresen tidak akan berkompromi terhadap pegawai yang terbukti melakukan salah laku pelanggaran integriti. Tindakan tegas akan diambil tanpa mengira pangkat atau jawatan," katanya menerusi kenyataan, malam kelmarin.

Tingkat tatakelola

Pada masa sama, menurut Imigresen, pihaknya memandang serius dan sentiasa komited dalam memastikan tiada pelanggaran integriti.

Katanya, ia selaras dengan fokus utama Imigresen iaitu meningkatkan tatakelola, tadbir urus, disiplin dan integriti bagi meningkatkan imej serta reputasi jabatan supaya kembali dihormati dan disegani.

Terdahulu, media melaporkan empat individu ditahan kerana disyaki terbabit dalam aktiviti rasuah dan pengubahan wang haram berkaitan penyalahgunaan permohonan visa asing berjumlah RM1.2 juta.

Tiga suspek membabitkan pegawai kanan Imigresen Johor, termasuk seorang wanita, manakala individu keempat dipercayai seorang pengarah syarikat yang terbabit dalam pembekalan peralatan pejabat termasuk peralatan elektrik dan elektronik, alat keselamatan, perkhidmatan pembersihan pejabat serta bangunan.



SINAR HARIAN
12.12.2024
(KHAMIS)

Terima, beri rasuah kes tertinggi

Kategori kesalahan utama disiasat SPRM

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
dan TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMMAD ADNAN
SHAH ALAM

Kes terima dan beri rasuah, tuntutan palsu, salah guna kuasa dan kedudukan serta pengubahan wang haram menjadi kes utama yang direkodkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, statistik dalam tempoh empat tahun bermula 2020, merekodkan tangkapan seramai 3,895 orang.

Jelasnya, kes menerima dan pemberi paling banyak direkodkan iaitu 2,230 orang membabitkan 1,778 penerima serta 452 pemberi.

"Ia diikuti jenayah tuntutan palsu (997 orang), salah guna kuasa (320 orang), pengubahan wang haram (71 orang) dan lain-lain kesalahan sebanyak 277 orang.

"Dalam konteks ini, jenayah rasuah merupakan kategori kesalahan utama yang disiasat oleh SPRM dan kebanyakannya melibatkan transaksi kewangan sebagai habuan dan sogokan.

"Kesemua kategori jenayah ini melibatkan kesalahan di bawah Akta SPRM

2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001 dan kesalahan ditetapkan seperti yang tersenarai dalam jadual, Seksyen 137 Akta Kastam 1967 dan Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954," katanya kepada *Sinar Harian*.

Azam berkata, kes rasuah berlaku disebabkan gabungan faktor individu, sosial dan sistemik yang saling berkait antaranya sifat tamak haloba dan keinginan untuk cepat kaya atau memperoleh kuasa.

Menurutnya, individu yang memiliki moral dan etika yang lemah cenderung untuk mengabaikan prinsip integriti, manakala tekanan hidup akibat desakan ekonomi atau gaya hidup yang tidak terkawal sering menjadi dorongan utama.

Katanya, dari sudut sistemik, kelemahan tata kelola serta kawalan dalaman dan kurangnya ketelusan dalam proses pentadbiran, perolehan atau kewangan turut memberikan peluang kepada pelaku rasuah.

"Apabila sistem tidak diwujudkan untuk mencegah, menutup ruang dan peluang rasuah atau mengesan salah laku, individu yang berpengaruh mudah memanipulasinya untuk kepentingan diri atau kumpulan tertentu.

"Dalam konteks sosial, normalisasi budaya rasuah juga menjadi penyumbang



AZAM

utama," ujarnya.

Tambah beliau, dalam setengah masyarakat, rasuah dilihat sebagai cara biasa untuk mempercepatkan proses atau menyelesaikan masalah.

"Fenomena ini sering diperkukuhkan oleh persekitaran yang kurang berintegriti, di mana individu berasa terpaksa mengikuti arus demi memenuhi keperluan atau kehendak tertentu.

"Kekurangan pendidikan anti-rasuah di peringkat asas pula menjadikan masyarakat kurang sedar akan kepentingan integriti dan bahaya rasuah kepada pembangunan negara," katanya.

Azam menjelaskan, rasuah yang diibaratkan sebagai barah dalam masyarakat memerlukan pendekatan strategik dan berfokus.

"Saranan utama SPRM untuk memperkukuhkan usaha menangani isu ini ialah meningkatkan kepakaran pegawai dalam penyiasatan termasuklah siasatan jejak kewangan rentas sempadan serta transaksi mata wang kripto.

"Selain itu, pertingkatkan kesedaran dan pendidikan awam, menggembleng kerjasama pelbagai pihak serta strategi pembanteras rasuah nasional (NACS)," ujarnya.

Mengulas mengenai sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2024 pada 9 Disember, beliau berkata, tema *Uniting with Youth Against Corruption*:

Shaping Tomorrow's Integrity dilihat satu inisiatif menggerakkan kesedaran golongan belia yang mempunyai impian dan aspirasi di seluruh dunia untuk memerangi rasuah.

"Kempen ini akan menguatkan suara bakal pemimpin integriti, membolehkan mereka menyatakan kebimbangan dan aspirasi mereka dengan harapan bahawa rayuan mereka akan didengar dan diambil tindakan.

"HARA 2024 turut memberi peluang memperbaharui komitmen terhadap usaha mencegah dan memerangi rasuah, di mana ia tidak lagi tanggungjawab satu entiti sebaliknya menjadi tanggungjawab setiap individu, pelajar, masyarakat, pihak berkuasa, media, agensi awam dan swasta," kata beliau.

Tegasnya, belia merupakan tonggak dan pelapis generasi masa hadapan.

"Perlu diakui, golongan ini mempunyai keupayaan luar biasa terutama dari segi tenaga dan daya fikir serta mampu menjadi agen perubahan.

"Menyedari peranan belia hari ini dalam memeta kemajuan negara pada masa akan datang, penekanan terhadap semangat antirasuah perlu diterapkan," katanya.

HARA 2024 yang dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Anti Korupsi Malaysia (Pakar) bertujuan untuk membentuk masyarakat berintegriti di mana nilai-nilai etika, kejujuran dan keadilan ditekankan serta diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.



SINAR HARIAN

12.12.2024

(KHAMIS)

'Gaji rendah, tekanan kerja tinggi punca isu integriti'

PUTRAJAYA - Rasuah dan toleransi terhadap salah laku dalam kalangan penjawat awam mencipta persekitaran yang membenarkan pelanggaran integriti berterusan.

Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Tan Sri Dr Ismail Bakar mendedahkan, ia sekali gus menjadi masalah sistemik yang memerlukan pembaharuan menyeluruh.

"Pembaharuan dalam aspek pengawasan, etika kerja dan pembentukan budaya yang lebih telus serta bertanggungjawab," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar beliau, dalam sesetengah agensi penguat kuasa, terdapat budaya yang toleransi atau mengabaikan salah laku termasuk rasuah.

"Tindakan salah laku dianggap perkara biasa dan tidak diambil serius yang mana budaya ini menggalakkan penjawat awam untuk terus melanggar integriti tanpa rasa bersalah," katanya.

Ismail berkata, terdapat beberapa faktor utama mendorong

kepada masalah integriti dalam kalangan penjawat awam termasuk pengawasan yang lemah.

"Kami dapati kurangnya mekanisme pengawasan yang berkesan memberikan ruang kepada penjawat awam, terutamanya pegawai penguat kuasa untuk terlibat dalam rasuah tanpa rasa takut akan akibatnya," ujar Ismail.

Menurut beliau, gaji rendah dan tekanan kerja yang tinggi turut menjadi punca isu integriti.

"Kadar gaji sering kali menjadi punca utama yang mempengaruhi penjawat awam untuk terjebak dalam rasuah.

"Pegawai penguat kuasa berhadapan dengan tekanan ekonomi dan kerja yang berlebihan mungkin melihat rasuah sebagai jalan pintas untuk memenuhi keperluan peribadi mereka," jelasnya.

Tambah Ismail, pihaknya mendapati kelemahan dalam penguatkuasaan dan hukuman yang tidak tegas menyebabkan sesetengah individu merasa bahawa risiko untuk terlibat dalam rasuah adalah rendah.

"Ini mencetuskan persepsi bahawa tindakan terhadap ra-

suah atau salah laku adalah lemah dan tidak berkesan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pencegahan adalah lebih berkesan daripada menunggu masalah timbul di kemudian hari.

Katanya, antara langkah yang perlu diambil ialah mewujudkan satu budaya di mana integriti menjadi teras dalam setiap tindakan sama ada sebagai penjawat awam mahupun rakyat Malaysia.

"Ini bukan sahaja penting secara individu, tetapi juga untuk negara ini secara keseluruhan. Saya ingin menegaskan bahawa walau sekecil mana, rasuah tetap merosakkan integriti negara.

"Dalam banyak kes, masyarakat dan sebahagian pihak berkuasa telah mula menganggap rasuah dan salah laku sebagai sesuatu yang biasa serta diterima. Sikap yang perlu dihentikan," jelasnya.

Ismail berkata, rasuah merupakan salah laku yang mencemarkan prinsip keadilan, ketelusan dan integriti dalam sistem pentadbiran negara.

Ujarnya, setiap perbuatan rasuah akan memberi impak yang besar terhadap ekonomi, sosial dan struktur masyarakat Malaysia.

"Jika tidak ditangani dengan tegas, ia akan membenarkan penyalahgunaan kuasa dan ketidakadilan berterusan.

"Masa depan negara bergantung pada pilihan hari ini dan kita tidak boleh membiarkan salah laku menjadi norma," tegasnya.

Justeru katanya, semua pihak tidak boleh hanya bergantung kepada tindakan undang-undang sebaliknya memperkukuh budaya integriti dalam masyarakat.

"Dengan mencegah rasuah sejak awal, negara dapat mengelakkan kerosakan lebih besar. Ketua jabatan termasuk ketua setiausaha kementerian (KSU), ketua pengarah jangan gagal memantau pegawai bawahan.

"Kegagalan memantau bukan sahaja menunjukkan kelemahan pegawai bawahan tetapi juga mencerminkan kegagalan kepimpinan atasan," katanya.

Ismail turut menasihati penjawat awam agar mengelakkan gaya hidup mewah yang tidak selaras dengan kadar gaji.

Katanya, gaya hidup melebihi kemampuan kewangan sebenar memberikan isyarat salah tentang sumber pendapatan dan boleh merosakkan imej peribadi serta organisasi.

"Sebagai penjawat awam, penting untuk menunjukkan ketelusan dan kejujuran dalam semua aspek kehidupan, agar tidak cetus budaya yang merugikan serta merosakkan nilai-nilai integriti dalam masyarakat dan tempat kerja," katanya.



ISMAIL



BERITA HARIAN

14.12.2024

(SABTU)

Rasuah projek Melaka River Cruise

Bekas CEO PPSPM dipenjara 2 tahun, denda RM1.3j

Ayer Keroh: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Mohd Fariz Mohd Ali, dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda RM1.3 juta oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, kerana menerima rasuah bagi kontrak kerja pembekalan bot Melaka River Cruise (MRC), tujuh tahun lalu.

Hakim Elesabet Paya Wan memutuskan hukuman itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan didapati bersalah serta disabitkan atas empat pertuduhan pindaan.

Katanya, sepanjang prosiding pembelaan hanya dua saksi memberi keterangan iaitu Mohd Fariz, 42, dan adiknya dan tertuduh antara lain menafikan dia menerima wang rasuah berkenaan, tidak berada di tempat serahan wang, selain mendakwa tempat cuci kereta seperti

dalam pertuduhan tidak wujud.

"Tertuduh juga menafikan pernah membantu syarikat LEC Impressions Sdn Bhd mendapatkan projek kepada PPSPM serta mendakwa dokumen kewangan syarikat berkenaan dan transaksi kepada seorang lelaki bernama Osman tidak selari seperti jumlah dipertuduhkan.

"Selepas mendengar keseluruhan keterangan saksi, mahkamah mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah untuk mematahkan anggapan mengikut Seksyen 51 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

"Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan terhadap keempat-empat pertuduhan pindaan di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama," katanya.

Elesabet menjatuhkan tertuduh dua tahun penjara dan denda RM500,000 bagi pertuduhan per-

tama; penjara dua tahun, denda RM400,000 bagi pertuduhan kedua serta masing-masing penjara setahun dan denda RM250,000 serta RM150,000 bagi pertuduhan ketiga dan keempat.

Beliau menetapkan hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh hukuman hari ini serta memerintahkan tertuduh dipenjara 32 bulan jika gagal membayar denda.

Mengikut keempat-empat pertuduhan pindaan, tertuduh yang berjawatan Pengurus di Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Produk PPSPM ketika kejadian, secara rasuah menerima suapan tunai RM260,000 daripada CEO Syarikat LEC Impressions Sdn Bhd.

Ia sebagai dorongan mencadangkan syarikat itu untuk memperoleh projek membekal 10 bot Melaka River Cruise kepada PPSPM dan semua kesalahan itu dilakukan dalam empat perjumpaan berasingan ber-

sama wakil syarikat, Osman Abdul Rahman di dua lokasi berbeza sekitar daerah Melaka Tengah antara 4 Januari hingga 15 November 2017.

Mohon hukuman berat

Terdahulu, pendakwaan dikenalakan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muhammad Asraf Mohamed Tahir dan Pegawai Pendakwa, Nur Syakila Yaacob memohon hukuman berat dikenakan atas kepentingan awam serta sebagai pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat.

Katanya, pihak pendakwaan sangat tidak bersetuju hujah peguam bahawa kesalahan rasuah dilakukan tertuduh yang ketika kejadian penjawat awam iaitu Pengurus di Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Produk (PPSPM) di bawah kerajaan negeri Melaka adalah kes kecil.

"... mengambil kira jawatan dipegang tertuduh ketika kejadian, dia seharusnya bekerja de-

ngan lebih telus dan berintegriti dan tidak mengkhianati kepercayaan kerajaan negeri.

"Tertuduh mengambil kesempatan dengan memperoleh rasuah berjumlah keseluruhan RM260,000, justeru pendakwaan mohon hukuman berat dikenakan," katanya sambil menambah semua rayuan tertuduh adalah berkait kepentingan peribadi yang sepatutnya difikirkan sebelum melakukan kesalahan.

Tertuduh diwakili peguam Hamidi Mohd Noh dan Nur Khairunnisa Sabirah Abdul Manan merayu hukuman ringan atas beberapa alasan termasuk itu kesalahan pertamanya, menjaga ibu bapa yang uzur serta anak dan isteri tidak bekerja.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman berkenaan selepas dipohon peguam bagi membuat rayuan dengan jumlah jaminan dinaikkan kepada RM60,000.



SINAR HARIAN

14.12.2024

(SABTU)

Rasuah: Bekas CEO PPSPM dipenjara dua tahun, denda RM1.3 juta



- Mohd Fariz ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Jumaat.

MELAKA - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda RM1.3 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, selepas didapati bersalah menerima rasuah berkaitan kerja pembekalan bot Melaka River Cruise (MRC).

Hakim Elesabet Paya Wan menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Fariz Mohd Ali, 42, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan tertuduh dan didapati bersalah serta disabitkan atas empat pertuduhan pindaan.

Elesabet dalam penghakimannya berkata, sepanjang prosiding pembelaan, hanya dua saksi memberi keterangan dan tertuduh menafikan menerima wang rasuah berkenaan, tidak berada di tempat serahan wang selain mendakwa tempat cuci kereta seperti dalam pertuduhan tidak wujud.

Menurutnya, tertuduh juga menafikan

pernah membantu syarikat LEC Impressions Sdn Bhd mendapatkan projek kepada PPSPM serta mendakwa dokumen kewangan syarikat berkenaan dan transaksi kepada seorang lelaki bernama Osman tidak selari seperti jumlah dipertuduhkan.

"Setelah mendengar keseluruhan keterangan saksi, mahkamah mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah untuk mematahkan anggapan mengikut Seksyen 51 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

"Tertuduh didapati bersalah terhadap keempat-empat pertuduhan pindaan di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama," katanya.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda RM500,000 bagi pertuduhan pertama; penjara dua tahun, denda RM400,000 bagi pertuduhan kedua serta masing-masing penjara setahun dan denda

RM250,000 serta RM150,000 bagi pertuduhan ketiga dan keempat.

Semua hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh hukuman serta tertuduh boleh dikenakan penjara 32 bulan jika gagal membayar denda.

Berdasarkan keempat-empat pertuduhan pindaan, Mohd Fariz secara rasuah menerima suapan tunai berjumlah RM260,000 daripada CEO Syarikat LEC Impressions Sdn Bhd.

Ia bagi dorongan mencadangkan syarikat berkenaan untuk memperoleh projek membekal 10 bot Melaka River Cruise kepada PPSPM dan semua kesalahan itu dilakukan dalam empat perjumpaan berasingan bersama wakil syarikat, Osman Abdul Rahman di dua lokasi berbeza.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muhammad Asraf Mohamed Tahir dan Pegawai Pendakwa, Nur Syakila Yaacob sebelum itu memohon hukuman berat dikenakan atas kepentingan awam dan pengajaran terhadap tertuduh.



SINAR HARIAN
18.12.2024
(RABU)

Pengurus syarikat direman kes rasuah jual gelaran Datuk Seri

MELAKA - Seorang pengurus syarikat direman tiga hari oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM375,000 daripada seorang individu bagi mendapatkan gelaran Datuk Seri dari sebuah negeri dua tahun lalu.

Perintah reman bermula Selasa hingga Khamis dikeluarkan oleh Majistret Nabilah Nizam terhadap suspek berusia 54 tahun itu.

Terdahulu, suspek di-

tahan kira-kira jam 5.10 petang Isnin di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka ketika hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

"Suspek direman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009," ujarinya.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Melaka untuk permohonan reman pada Selasa.



HARIAN METRO

18.12.2024

(RABU)

BAGI DAPATKAN GELARAN 'DATUK SERI'

Pengurus disyaki minta rasuah RM375k direman

Ayer Keroh: Seorang pengurus syarikat swasta direman tiga hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka kerana disyaki meminta dan menerima wang RM375,000 bagi mendapatkan gelaran 'Datuk Seri' daripada sebuah negeri, dua tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nabillah Nizam dan beliau menetapkan, lelaki berusia 54

tahun itu direman hingga Khamis ini.

Menurut sumber, lelaki itu ditahan jam 5.10 petang kelmarin, di Pejabat SPRM Melaka ketika memberi keterangan berkaitan dakwaan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM375,000 daripada seorang individu melalui pindahan wang.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman denda lima kali nilai

suapan atau RM10,000 yang mana tinggi dan penjara maksimum 20 tahun, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, lelaki itu yang berpakaian baju lokap SPRM tiba di Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, jam 9 pagi dengan menaiki kenderaan SPRM.

Dalam perkembangan sama, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie mengesahkan tangkapan dan terbabit.

H/metro
Rabu
18/12/24



SINAR HARIAN
19.12.2024
(KHAMIS)

Bekas pengarah Maritim Zon Tanjung Sedili diarah bela diri kes rasuah RM10,000

JOHOR BAHRU - Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu mengarahkan bekas pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili, membela diri atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM10,000, empat tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, Mohd Zulfadli Nayan, 43, di akhir kes pendakwaan.

Peguam, Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly yang mewakili tertuduh kemudian memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah ketika prosiding bela diri.

Mohd Fazaly turut memberitahu mahkamah bahawa pihaknya akan mengemukakan antara tujuh atau lapan saksi ketika prosiding bela diri yang dijadualkan selama tujuh hari iaitu pada 8, 13 dan 14 Januari; 17 dan 20 Februari serta 3 dan 4 Mac 2025.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),



Mohd Zulfadli diarah membela diri oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Rabu.

Zander Lim Wei Keong.

Pada 23 Mei 2021, tertuduh yang kini digantung tugas sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Hubungan dan Koordinasi Antarabangsa Ibu Pejabat Maritim Malaysia mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan terbabit.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Mohd Zulfadli didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM10,000 daripada pemilik syarikat perkapalan, Wan Mohd Fauzi Wan Kamaruddin di sebuah restoran di Jalan Yahya Awal di sini pada jam 10 malam, 2 Oktober 2020.

Mohd Zulfadli didakwa menggunakan jawatannya ketika itu untuk tidak mengambil tindakan terhadap siasatan kapal MT Singa Gangsa milik Alamgala Resources Sdn Bhd yang ditahan KM Mulia, Maritim Malaysia Zon Maritim Tanjung Sedili pada 17 September 2020.

Bagi perbuatan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sinar Harian - 19/12/2024 - Khamis



SINAR HARIAN

19.12.2024

(KHAMIS)

Bekas pegawai MDB dipenjara dua bulan terima rasuah RM4,500

KUALA TERENGGANU - Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu pada Rabu mengekalkan hukuman penjara dua bulan dan denda RM10,000 ke atas bekas pegawai Majlis Daerah Besut (MDB) yang disabitkan kesalahan menerima rasuah RM4,500 enam tahun lalu.

Hakim Datuk Hassan Ghani mengekalkan hukuman itu terhadap Zariman Ibrahim, 44, selepas menolak rayuan dikemukakan tertuduh berhubung hukuman dikenakan terhadapnya sebelum ini.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara dijalankan bermula Rabu.

Berdasarkan pertuduhan, Zariman yang sebelum ini me-

rupakan Pegawai Perancang Bandar dan Desa didakwa menerima suapan tersebut daripada seorang lelaki yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Tertuduh didakwa menerima rasuah berjumlah RM4,500 menerusi akaun bank perbadanya pada 4 September 2018.

Tertuduh sebelum ini telah disabitkan bersalah dan diperintahkan menjalani hukuman penjara dua bulan dan denda RM10,000 atau tiga bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Sebelum ini, Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu membenarkan penangguhan hukuman setelah rayuan dikemukakan ke Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu.



Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu pada Rabu mengekalkan hukuman penjara dua bulan dan denda RM10,000 ke atas Zariman.



SINAR HARIAN

19.12.2024

(KHAMIS)

Pemilik syarikat pula direman kes rasuah dapatkan gelaran Datuk Seri

MELAKA - Seorang pemilik syarikat yang disyaki terlibat dalam kes rasuah bagi mendapatkan gelaran Datuk Seri direman selama enam hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pada Rabu.

Permohonan reman bermula Rabu hingga Isnin dikeluarkan oleh Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman terhadap individu berusia 46 tahun itu.

Sumber berkata, wanita itu ditahan susulan penahanan seorang lelaki pada Selasa yang kini direman tiga hari membabitkan kes sama.

Menurutnya, suspek ditahan di Pejabat SPRM Melaka ketika hadir memberi keterangan kira-kira jam 4.45 petang Selasa.

"Suspek disiasat berhubung permintaan dan penerimaan rasuah lebih RM375,000 daripada seorang individu bagi mendapatkan gelaran Datuk



Wanita terbabit dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Melaka pada Rabu.

Seri yang dilakukan secara bersindiket," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

"Suspek direman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009," ujarnya.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan seorang pengurus

syarikat direman tiga hari oleh Mahkamah Majistret Melaka kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM375,000 daripada seorang individu bagi mendapatkan gelaran Datuk Seri dari sebuah negeri dua tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Nabilah Nizam terhadap suspek berusia 54 tahun itu.



BERITA HARIAN 19.12.2024 (KHAMIS)

Bekas Pengarah Maritim Tanjung Sedili diarah bela diri kes rasuah RM10,000

Johor Bahru: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, memerintahkan bekas Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili di Johor untuk mem-bela diri atas tuduhan me-nerima suapan RM10,000 empat tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail mem-buat keputusan itu se-lepas mendapati pihak pen-dakwa berjaya mem-buktikan kes prima facie terhadap tertuduh, Mohd Zulfadli Nayan, 43, di akhir kes pendakwaan.

Peguam Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly yang mewakili tertuduh kemu-dian memberitahu mah-kamah bahawa anak guamnya memilih untuk memberi keterangan se-ca-ra bersumpah ketika pro-siding bela diri.

Beliau turut memberi-tahu mahkamah bahawa pihaknya akan mengemu-kakan antara tujuh atau

lapan saksi ke-tika prosiding bela diri yang dijadualkan se-lama tujuh hari iaitu pada 8, 13 dan 14 Januari; selain 17 dan 20 Februari serta 3 dan 4 Mac ta-hun depan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pen-dakwa Raya Su-ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Zander Lim Wai Keong.

Kena gantung tugas

Pada 23 Mei 2021, tertuduh yang kini digantung tugas sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawa-ngan Hubungan dan Koor-dinasi Antarabangsa Ibu Pejabat Maritim Malaysia mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan ter-babit.

Berdasarkan pertudu-han, Mohd Zulfadli didak-wa menerima suapan



Mohd Zulfadli Nayan

RM10,000 da-ri-pada pemi-lik syarikat perkapalan, Wan Mohd Fauzi Wan Ka-maruddin, di sebuah resto-ran di Jalan Yahya Awal di sini pada jam 10 malam, 2 Oktober 2020.

Mohd Zulfa-dli didakwa menggunakan jawatan-nya ketika itu untuk tidak mengambil tindakan ter-hadap siasatan kapal MT Singa Gangsa milik Alamgala Resources Sdn Bhd yang ditahan KM Mu-lia milik Maritim Mala-ysia, pada 17 September 2020.

Bagi perbuatan itu, dia didakwa mengikut Seks-yen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



HARIAN METRO

19.12.2024

(KHAMIS)

Johor Bahru: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, memerintahkan bekas Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Tanjung Sedili, Johor membela diri atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM10,000, empat tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, Mohd Zulfadli Nayan, 43, di akhir kes pendakwaan.

Peguam, Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly mewakili tertuduh kemudian memberitahu mahkamah anak guamnya memilih memberi keterangan secara

Bekas pengarah APMM diarah bela diri atas tuduhan terima suapan



MOHD Zulfadli

bersumpah ketika prosiding bela diri.

Beliau turut memberitahu mahkamah pihaknya akan mengemukakan antara tujuh atau lapan saksi

ketika prosiding bela diri yang dijadualkan selama tujuh hari iaitu pada 8, 13 dan 14 Januari; 17 dan 20 Februari serta 3 dan 4 Mac tahun depan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Zander Lim Wai Keong.

Pada 23 Mei 2021, tertuduh yang kini digantung tugas sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Hubungan dan Koordinasi Antarabangsa, Ibu Pejabat APMM mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan terbabit.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Mohd Zulfadli didakwa menerima suapan RM10,000 daripada pemilik syarikat perkapalan, Wan Mohd Fauzi Wan Kamaruddin di sebuah restoran di Jalan Yahya Awal, di sini, 10 malam, 2 Oktober 2020.

Mohd Zulfadli didakwa menggunakan jawatannya ketika itu untuk tidak mengambil tindakan terhadap siasatan kapal MT Singa Gangsa milik Alamgala Resources Sdn Bhd yang ditahan KM Mulla pada 17 September 2020.



HARIAN METRO

19.12.2024

(KHAMIS)



ANGGOTA SPRM mengiringi suspek yang direman sehingga 23 Disember ini.

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

RASUAH DAPATKAN GELARAN DATUK

'Tauke' wanita direman 6 hari

"Suspek wanita berumur 46 tahun ditahan jam 4.45 petang semalam (kelmarin) di Pejabat SPRM Melaka"

Sumber

Seorang lagi individu ditahan reman selama enam hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkait kes rasuah bagi mendapatkan gelaran Datuk Seri dari sebuah negeri dua tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Sharada Shienha Mohd Suleiman bermula semalam hingga 23 Disember ini selepas dimohon pegawai penyiasat SPRM bagi melengkapkan siasatan kes.

Menurut sumber, penahanan suspek wanita yang juga pemilik syarikat swasta di Selangor itu susulan penahanan seorang lelaki pengurus syarikat yang kini direman hingga hari ini berkait kes sama.

"Suspek wanita berumur 46 tahun ditahan pada jam 4.45 petang semalam (kelmarin) di Pejabat SPRM Melaka ketika hadir memberi keterangan kes yang sedang dijalankan.

"Suspek disiasat berhubung permintaan dan penerimaan wang rasuah lebih RM375,000 daripada seorang individu bagi mendapatkan gelaran Datuk Seri yang dilakukan secara bersindiket," katanya.

Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi dan penjara maksimum 20 tahun.



HARIAN METRO

20.12.2024

(JUMAAT)

ANGGOTA POLIS DIREMAN

Minta RM80,000 bantu bebas tertuduh kes Sosma

Georgetown Seorang anggota polis direman lima hari bagi membantu siasatan selepas dipercayai meminta suapan RM80,000 bagi membantu membebaskan suami seorang wanita yang ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Perintah reman dikeluarkan Majistret Azlan Basri terhadap suspek berpangkat Koperai berusia 40-an itu bermula semalam sehingga 23 Disember ini.

Sebelum itu, suspek yang memakai baju lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 8.40 pagi.

Terdahulu, sumber berkata, SPRM menahan suspek kerana dipercayai meminta wang rasuah kira-kira RM80,000 bagi membantu membebaskan seorang lelaki yang ditahan di bawah Sosma.

Menurutnya, suspek disyaki menghubungi isteri lelaki terbabit melalui panggilan telefon pada 30 November lalu bagi me-

mint wang sebagai balasan mengubah keterangan untuk membantu suaminya dilepaskan daripada tahanan Sosma.

"Suspek meminta wang pendahuluan kira-kira RM25,000 daripada wanita berkenaan yang kemudian membuat beberapa pindahan wang menerusi sistem pembayaran e-dompét membabitkan nilai kira-kira RM3,000.

"Pada Isnin lalu, suspek sekali lagi menghubungi wanita berkenaan dan meminta wang kira-kira RM2,000 secara tunai," katanya.

Katanya, wanita berkenaan kemudian menyerahkan wang kira-kira RM1,000 kepada suspek dalam pertemuan di sebuah stesen minyak di Sungai Dua, di sini, kira-kira jam 2 petang kelmarin sebelum dia ditahan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek.

Menurutnya, kes itu disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



SUSPEK diiring pegawai SPRM tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 8.40 pagi.



SINAR HARIAN
20.12.2024
(JUMAAT)

Koperal direman kes minta rasuah RM80,000

Sebagai balasan ubah
keterangan bantu
bebaskan seorang
tahanan SOSMA

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGE TOWN

Seorang anggota polis berpangkat Koperal direman lima hari bermula Khamis sehingga 23 Disember ini bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melibatkan wang RM80,000.

Perintah tersebut dikeluarkan Majistret Mohamad Azlan Basri di Mahkamah Majistret Jenayah 2 pada pagi Khamis.

Menurut sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan kerana dipercayai meminta wang rasuah kira-kira RM80,000 daripada seorang wanita.

Menurut sumber lagi, suspek menghubungi wanita berkenaan pada 30 November lalu susulan tangkapan dibuat terhadap suaminya.

Katanya, suspek disyaki meminta wang rasuah kononnya bagi membantu membebaskan suaminya yang ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA 2012).



Suspek (kiri) ditahan pada Rabu selepas dipercayai meminta wang daripada seorang wanita sebanyak RM80,000.

"Menerusi perbualan telefon itu, suspek meminta wang kira-kira RM80,000 daripada wanita berkenaan sebagai balasan bagi mengubah keterangan untuk membantu suaminya dilepaskan daripada tahanan SOSMA.

"Suspek telah meminta wang pendahuluan kira-kira RM25,000 daripada wanita berkenaan yang kemudian membuat beberapa pindahan wang menerusi sistem pembayaran e-wallet membabitkan nilai kira-kira RM3,000," katanya pada Khamis.

Jelas sumber itu lagi, Isnin lalu, suspek sekali lagi menghubungi wanita berkenaan dan meminta wang RM2,000 secara tunai.

"Wanita berkenaan kemudian menyerahkan wang RM1,000 kepada suspek dalam pertemuan di sebuah stesen minyak di Sungai Dua kira-kira jam 2 petang Rabu sebelum ditahan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

MEJA BULAT
Diskusi Mencipta Resolusi
SISTEM PERUBAHAN MALAYSIA
SELEPAS 60 TAHUN
DI MANA SILAPNYA?





HARIAN METRO

22.12.2024

(AHAD)

KES GANGGUAN SEKSUAL PENSYARAH UM

Unit Integriti buat siasatan

Putrajaya: Unit Integriti Universiti Malaya (UM) sedang menjalankan siasatan secara aktif berhubung kes gangguan seksual yang membabitkan seorang pensyarah universiti terbabit.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam satu kenyataan semalam berkata, semua prosedur serta peraturan berkaitan dipatuhi sepenuhnya UM.

"UM juga mempunyai garis panduan dan peraturan khusus berhubung isu gangguan seksual dan langkah sewajarnya sedang diambil untuk melindungi hak semua pihak," menurut kenyataan berkenaan.

KPT berkata, individu yang dikaitkan juga sudah membuat laporan polis dan siasatan turut dijalankan pihak berkuasa, sehubungan itu semua pihak diseru agar memberikan ruang supaya siasatan menyeluruh dapat dilaksanakan.

Menurut kenyataan itu, sebarang tindakan yang diambil mestilah selaras

dengan undang-undang sedia ada, kerana langkah yang melanggar tatacara perundangan boleh mencabuli proses siasatan yang berlangsung.

"Kementerian dan pihak UM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbukti bersalah melakukan pelanggaran undang-undang dan tindakan tata tertib yang tegas akan diambil," menurutnya.

- Bernama



UM juga mempunyai garis panduan dan peraturan khusus berhubung isu gangguan seksual dan langkah sewajarnya sedang diambil untuk melindungi hak semua pihak"

Kementerian Pendidikan
Tinggi (KPT)